



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

الكلية الإسلامية السليمانية في سلطان احمد شاه
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE

Panduan Dan Peraturan Istiadat Konvokesyen Ke-17





PANDUAN DAN PERATURAN ISTIADAT KONVOKESYEN KE-17 KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (KUIPSAS)

Assalamualaikum wrt. wbt

Para Graduan Yang Budiman

ISTIADAT KONVOKESYEN KE-17 KUIPSAS

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/saudari. Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS akan diadakan di **Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort, Kuantan** pada **11 Ogos 2018 (Sabtu), bersamaan 29 Zulhijjah 1439H**. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari dikehendaki memahami Panduan dan Peraturan Istiadat konvokesyen ke-17 KUIPSAS ini dengan jelas.

1) Tarikh dan Tempat Majlis

Istiadat Konvokesyen KUIPSAS Kali Ke-17 akan diadakan dalam satu sidang seperti keterangan berikut :-

Tarikh	:	11 Ogos 2018 29 Zulhijjah 1439H
Hari	:	Sabtu
Waktu	:	8.00 pagi
Tempat	:	Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

2) Ringkasan Gerak Kerja Istiadat Konvokesyen

Berikut merupakan panduan ringkas bagi gerak kerja istiadat konvokesyen:

- 2.1 Para graduan dikehendaki untuk berkumpul di **Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort**, pada jam **8.00 pagi, 11 Ogos 2018**. Para graduan dikehendaki untuk berpakaian lengkap dan tidak melengahkan masa untuk berkumpul.
- 2.2 Semasa majlis penganugerahan berlangsung, nama graduan akan diumumkan oleh Dekan Sekolah Pengajian masing-masing. Apabila diumumkan, graduan dikehendaki untuk:
 - a) bangun dalam barisan yang ditetapkan dan mengangkat sembah.
 - b) keluar mengikut arahan dalam barisan yang ditetapkan.
 - c) melangkah naik ke pentas dengan sopan dan mengangkat sembah.
 - d) berjalan menuju ke arah KDYMM Sultan Pahang, berhenti dan mengangkat sembah.
 - e) melangkah setapak ke hadapan dan menerima skrol. Graduan dikehendaki untuk mengucapkan “Menjunjung Kasih, Tuanku”.
 - f) berundur setapak ke belakang dan tunduk sedikit.
 - g) berjalan menuruni pentas di sebelah kiri.
- 2.3 Bagi melancarkan lagi proses penyusunan, para graduan diwajibkan untuk menghadiri Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen sebagaimana yang ditetapkan dalam para 3.

3) Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen

- 3.1 Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen akan diadakan seperti keterangan berikut:

Tarikh	:	10 Ogos 2018 (Jumaat)
Masa	:	2.30 petang
Tempat	:	Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

- 3.2 Semua graduan yang dijemput hadir ke Istiadat Konvokesyen **DIWAJIBKAN** menghadiri Majlis Raptai Konvokesyen supaya dapat memahami perjalanan aturcara pada hari majlis rasmi itu nanti.

4) Pengesahan Kehadiran

- 4.1 Semua graduan serta ibu bapa/penjaga diminta untuk **mengesahkan kehadiran melalui panggilan telefon kepada Jawatankuasa Jemputan Graduan** di talian 09-536 5349 atau berhubung terus dengan **Cik Dayang Sakini bt Mohd. Kadri di talian 013-9554180**. Pengesahan kehadiran turut boleh dibuat dengan menghubungi wakil Jawatankuasa Jemputan Pelajar seperti berikut:

Jawatankuasa	No. Telefon
Sekolah Teknologi Maklumat (Puan Aswahida binti Sabarudin)	09-536 5373 /012-9018042
Sekolah Pengajian Pengurusan (Puan Siti Fatimah binti Sudarmin)	09-536 5334 /013-9881697
Jabatan Syariah (En. Mohd. Saifuddin bin Abdul Karim)	09-536 5456/013-4809788
Jabatan Dakwah (Puan Siti Nora'Aeshah binti Zakaria)	09-536 5451/019-9833623
Jabatan Bahasa Arab (Norillah binti Abdullah Hassim)	09-536 5427/ 013-9065944

Pengesahan kehadiran juga boleh dibuat melalui laman web KUIPSAS.

- 4.2 Kad Masuk ibubapa/tetamu akan diserahkan kepada graduan semasa mengambil jubah konvokesyen.
- 4.3 Ibubapa/tetamu diminta untuk **membawa bersama Kad Masuk yang disertakan untuk ditunjukkan dan menyerahkannya** kepada Pegawai KUIPSAS yang bertugas semasa hendak memasuki dewan konvokesyen. Tetamu yang **tidak membawa kad** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- 4.4 Setiap graduan dibenarkan untuk membawa **2** orang ahli keluarga masuk ke dalam **Dewan Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort** untuk mengikuti Istiadat konvokesyen ke-16 KUIPSAS. Semua jemputan **WAJIB** mematuhi etika berpakaian sebagaimana yang ditetapkan dalam para 8.

PENTING:

- **Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.**
- **Para ibu bapa dan tetamu yang tidak mematuhi peraturan berpakaian sebagaimana yang dinyatakan dalam para 9 boleh dihalang daripada memasuki dewan konvokesyen.**

5) Melapor Diri

- 5.1 Pada hari Konvokesyen, semua graduan **dikehendaki melaporkan diri kepada petugas di Dewan Arabian Ballroom 1, Bukit Gambang Resort pada jam 8.00 pagi pada 11 Ogos 2018**. Sila beri perhatian dan patuh kepada arahan petugas/penyambut tetamu untuk upacara perarakan masuk graduan.

** Perubahan masa tertakluk kepada urus setia majlis dan akan dimaklumkan semasa Majlis Raptai.*

6) Yuran Konvokesyen

- 6.1 Bayaran yuran bagi Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS, adalah sebanyak **RM380.00**. Bayaran ini akan ditolak daripada deposit pelajar berjumlah RM500.00. Graduan yang tidak mempunyai yuran tertunggak tidak perlu membuat apa-apa bayaran untuk Istiadat konvokesyen ke-17 ini.
- 6.2 Graduan yang mempunyai yuran tertunggak **DIWAJIBKAN** untuk menyelesaikannya sebelum **11 Ogos 2017** bagi membolehkannya menyertai Istiadat konvokesyen ke-17. Sebarang pertanyaan atau permasalahan mengenai yuran tertunggak, graduan boleh menghubungi Pejabat Bendahari KUIPSAS di talian 09-5365324.
- 6.3 Graduan yang ingin menjelaskan yuran tertunggak boleh berbuat demikian di mana-mana cawangan '**Bank Islam Malaysia Berhad**' atas nama:

BENDAHARI KIPSAS

No. Akaun : 06-019-0100-901-38

- 6.4 Resit/ bukti pembayaran/ penyata kewangan terkini graduan tersebut perlu dikemukakan bersama borang pinjaman dan penyewaan jubah semasa proses peminjaman jubah dilakukan.

7) Peminjaman/Pemulangan Jubah dan Skrol Diploma

- 7.1 Graduan dikehendaki mengisi borang pinjaman dan penyewaan jubah dengan lengkap yang dimuat turun daripada laman web KUIPSAS.
- 7.2 Peminjaman/pemulangan jubah akan diadakan di KUIPSAS. Jadual peminjaman/pemulangan jubah adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PEMINJAMAN JUBAH	04 Ogos 2018 Sabtu	8.30 pagi - 3.00 petang	Bilik Jubah (Atas Dewan Utama)
	05 Ogos 2018 Ahad	8.30 pagi - 3.00 petang	
	06 Ogos 2018 Isnin	8.30 pagi - 5.00 petang	
	07 Ogos 2018 Selasa	8.30 pagi - 5.00 petang	
	08 Ogos 2018 Rabu	8.30 pagi - 5.00 petang	
	09 Ogos 2018 Khamis	8.30 pagi - 5.00 petang	
	10 Ogos 2018 Jumaat	8.30 pagi - 5.00 petang	

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PEMULANGAN JUBAH	11 Ogos 2018 Sabtu	2.30 petang - 5.30 petang	Pintu Belakang Jabatan Bahasa
	12 Ogos 2018 Ahad	8.30 pagi - 2.30 petang	
	13 Ogos 2018 Isnin	8.30 pagi - 5.00 petang	
	14 Ogos 2018 Selasa	8.30 pagi - 5.00 petang	
	15 Ogos 2018 Rabu	8.30 pagi - 5.00 petang	

7.3 PERINGATAN SEMASA PEMINJAMAN:

- a) Graduan hendaklah **bebas daripada sebarang tunggakan yuran** bagi melayakkan diri untuk menyertai istiadat konvokesyen.
- b) Tempoh peminjaman jubah yang diperuntukkan ialah selama 7 hari sebelum Istiadat Konvokesyen KUIPSAS ke-17 berlangsung.
- c) Proses pinjaman jubah dihentikan semasa sesi raptai berlangsung.
- d) Graduan hendaklah mengemukakan borang pinjaman dan penyewaan jubah semasa mengambil jubah masing-masing.
- e) Graduan juga hendaklah melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan (KPG)**, mencetak slip Pengesanan Kajian dan menyerahkannya bersama-sama Borang Keahlian Persatuan Alumni KUIPSAS yang telah lengkap ketika proses **peminjaman** jubah konvokesyen.
- f) Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah boleh mewakilkan orang lain dengan mengemukakan dokumen seperti di atas.
- g) Sila rujuk Lampiran A bagi prosedur peminjaman jubah dan Lampiran C bagi senarai semak Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS.

7.4 PERINGATAN SEMASA PEMULANGAN:

- a) Tempoh pemulangan jubah yang diperuntukkan ialah selama 5 hari bermula **11 Ogos 2018 (Sabtu) sehingga 15 Ogos 2018** di Bilik Jubah, KUIPSAS.
- b) Transkrip, skrol diploma dan baki wang cagaran akan diserahkan kepada graduan setelah jubah, borang Keahlian Persatuan Alumni KUIPSAS dan slip Kajian Pengesanan Graduan (KPG) dihantar ke bahagian Pentadbiran.
- c) Graduan hendaklah memastikan jubah yang dipulangkan adalah dalam keadaan yang baik. Kegagalan memulangkan jubah dalam keadaan yang baik atau tidak memulangkan jubah selepas 2 minggu daripada tarikh Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS akan dikenakan **denda sebanyak RM200.00 dan wang cagaran tidak akan dikembalikan.**
- d) Transkrip, skrol diploma dan wang cagaran tidak akan diserahkan kepada pelajar yang memiliki yuran tertunggak.
- e) Sila rujuk Lampiran B bagi prosedur pemulangan jubah.

8) Peraturan Pakaian Graduan

- 8.1 Semua graduan juga **DIWAJIBKAN** mematuhi peraturan berpakaian seperti berikut :-

Graduan Lelaki	: Pakaian	: Baju Kebangsaan, bersampin dan bersongkok hitam tanpa hiasan
	: Kasut	: Kasut kulit berwarna hitam/gelap (selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan)
	: Lain-lain	: Rambut didandan rapi dan tidak panjang melebihi paras bawah telinga.
Graduan Perempuan	: Pakaian	: Baju Kurung/ Jubah
	: Kasut	: Kasut kulit berwarna gelap bertutup (selipar, sandal dan lain-lain jenis kasut tidak dibenarkan)
	: Lain-lain	: Wajib bertudung (warna krim) dan menutup aurat (Niqab tidak dibenarkan)

* *Kegagalan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan, akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen.*

- 8.2 Graduan dikehendaki **MEMBAWA SENDIRI** songkok dan tudung masing-masing.
- 8.3 Pakaian yang tidak menutup aurat adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

9) Peraturan Pakaian Ibu bapa/Penjaga dan Tetamu Yang Lain

- 9.1 Peraturan pakaian, khusus kepada ibu bapa/tetamu untuk memasuki dewan konvokesyen adalah seperti berikut:

Pakaian Lelaki:

- 1) Baju Kebangsaan/*Lounge suit*
(Seluar jeans dan kemeja-T adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali)
- 2) Bersongkok

Pakaian Perempuan:

- 1) Baju Kurung/Kebaya Longgar/Jubah
- 2) Menutup aurat
(pakaian gaun atau 'skirt', 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali)

9.2 Pakaian yang tidak menutup aurat adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.

10) Tempat Meletak Kenderaan

10.1 Para graduan dan ibu bapa/tetamu adalah diminta meletakkan kenderaan di tempat letak kereta yang disediakan.

11) Gambar Konvokesyen

- 11.1 Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS akan menyediakan khidmat jurugambar profesional untuk mengambil gambar para graduan sepanjang upacara. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil gambar peribadi dengan menggunakan khidmat jurugambar peribadi.
- 11.2 Para jemputan juga **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil gambar di dalam Dewan Utama, KUIPSAS sepanjang tempoh majlis berlangsung.
- 11.3 KUIPSAS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan gambar oleh syarikat jurugambar profesional yang dilantik mahupun gambar graduan yang tidak dituntut selepas 3 bulan daripada tarikh Istiadat Konvokesyen ke-17 KUIPSAS.
- 11.4 Sekiranya graduan memerlukan perkhidmatan pos bagi gambar Istiadat konvokesyen ke alamat masing-masing, graduan boleh berurusan terus dengan syarikat fotografi yang dilantik. Urusan boleh dibuat pada hari Istiadat konvokesyen berlangsung.

12) Pendaftaran Persatuan Alumni KUIPSAS

- 12.1 Semua graduan adalah diwajibkan untuk mengisi Borang Keahlian Persatuan Alumni KUIPSAS yang boleh dimuat turun daripada laman web KUIPSAS serta hendaklah dicetak dan diserahkan semasa proses peminjaman jubah dilakukan.

13) Kajian Pengesanan Graduan (KPG) (secara *online*)

- 13.1 Semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) termasuk KUIPSAS telah diarahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjalankan Kajian Pengesanan Graduan (KPG). Kajian ini adalah untuk mengukur tahap *employability* dan *marketability* serta mengumpul maklumat bagi tujuan menilai kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang diberikan oleh setiap IPT.
- 13.2 Semua graduan diwajibkan melengkapkan maklumat Kajian Pengesanan Graduan (KPG) melalui laman web <http://graduan.mohe.gov.my>. Para graduan dikehendaki membawa cetakan **slip pengesahan kajian** yang telah dilengkapi semasa mengambil Jubah Konvokesyen. Jubah konvokesyen tidak akan diserahkan kepada para graduan yang gagal melengkapkan kajian ini dan tidak menghantar slip pengesahan tersebut.
- 13.3 Tarikh untuk graduan KUIPSAS mengisi borang Kajian Pengesanan Graduan (KPG) bermula pada **2 Ogos 2017**.
- 13.4 Sekiranya graduan mempunyai masalah untuk *login* ke dalam sistem Kajian Pengesanan Graduan (KPG), graduan boleh menghubungi:
- i. En. Mohamad Firdaus Mohamed Rodzali(09-5365310 / 017-9759803)
 - ii. Pn. Norzulaipah Abu Bakar(09-5365333 / 0139849764)
 - iii. Pn. Nurulhuda binti Othman (09-591 5314 / 013-961 1939)

14) Skrol Diploma dan Transkrip Akademik

- 14.1 Skrol Diploma dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan jubah konvokesyen (mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh KUIPSAS).
- 14.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **90 hari** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Unit Akademik KUIPSAS. Pihak KUIPSAS tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol Diploma dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di atas.
- 14.3 Sila kemukakan **penyata kewangan yang menunjukkan graduan tidak mempunyai yuran tertunggak** apabila berurusan mendapatkan Skrol dan Transkrip Akademik.
- 14.4 Graduan boleh mewakili orang lain untuk mengambil Skrol Diploma dan Transkrip Akademik dengan cara mengisi borang berkaitan dan mengepilkkan salinan kad pengenalan wakil dan graduan serta penyata kewangan terkini graduan.
- 14.5 Skrol Diploma dan Transkrip Akademik juga boleh dimohon melalui surat dengan menyertakan salinan kad pengenalan, penyata kewangan terkini pelajar dan alamat terbaru beserta wang pos sebanyak RM5. Harap maklum bahawa KUIPSAS tidak bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan skrol dan Transkrip yang dituntut melalui pos.
- 14.6 Para graduan sama ada menghadiri Istiadat konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan yuran graduan sepertimana yang ditetapkan atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan KUIPSAS, Skrol Diploma dan Transkrip Akademik tidak akan dikeluarkan sehingga yuran/hutang tersebut dijelaskan.
- 14.7 Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat konvokesyen, Skrol Diploma dan Transkrip Akademik tidak diposkan kepada mereka kecuali setelah membuat permohonan secara bertulis mengikut peraturan dalam perkara 14.2, 14.3, 14.4 dan 14.5 di atas.

15) Wakil Pelajar

- 15.1 Kepada pelajar yang layak bergraduat tetapi tidak dapat menghadiri Istiadat Konvokesyen ini, anda dikehendaki untuk mengambil tindakan berikut:
- (a) Memastikan anda tidak mempunyai tunggakan yuran.
 - (b) Memastikan anda mengisi dan menghantar borang peminjaman jubah dan sertakan salinan kad pengenalan wakil dan graduan serta penyata kewangan terkini graduan bagi mengambil Skrol Diploma dan Transkrip Akademik.
 - (c) Pengambilan Skrol Diploma dan Transkrip Akademik mestilah dibuat dalam tempoh 90 hari selepas tarikh Istiadat konvokesyen sebagaimana yang dinyatakan dalam para 14.2

PERINGATAN

**ISTIADAT KONVOKESYEN MERUPAKAN MAJLIS
RASMI DAN PENUH TERTIB.**


**PARA GRADUAN DIMINTA MEMATUHI
PERATURAN YANG DINYATAKAN DI ATAS SUPAYA
MAJLIS DAPAT BERJALAN LANCAR DAN
SEMPURNA.**

- TERIMA KASIH -

Daripada:

**Jawatankuasa Jemputan Graduan
Istiadat konvoquesyen Ke-17
Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
2018**

LAMPIRAN A: Carta Alir Pengambilan Jubah Konvoquesyen




Dokumen yang perlu dihantar:

- a) Borang Peminjaman Jubah yang telah lengkap diisi.
- b) Slip Kajian Pengesanan Graduan (KPG).
- c) Borang Keahlian Persatuan Alumni KUIPSAS yang telah lengkap diisi.
- d) Penyata Kewangan terkini pelajar (Sekiranya pelajar masih mempunyai yuran tertunggak. Penyata ini boleh dipohon dari Unit Kewangan KUIPSAS)

Dokumen yang perlu diterima:

- a) Kad pas masuk ibubapa ke Majlis Konvoquesyen ke-17 2018

LAMPIRAN B: Carta Alir Pemulangan Jubah Konvoquesyen



LAMPIRAN C: Senarai Semak Keperluan Konvokesyen

Bil	Perkara	Semakan	
1.	Graduan membuat pengesahan kehadiran kepada Jawatankuasa Jemputan Graduan Istiadat Konvokesyen Ke-17 2018 (rujuk Para 4.1).	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
2.	Graduan menjelaskan semua yuran tertunggak (sekiranya ada).	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
3.	Graduan telah memuat turun dan melengkapkan Borang Peminjaman Jubah.	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
4.	Graduan telah memuat turun dan melengkapkan Borang Keahlian Persatuan Alumni KUIPSAS.	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
5.	Graduan telah mengisi dan mencetak slip pengesahan Kajian Pengesanan Graduan (KPG) di laman web http://graduat.mohe.gov.my .	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
6.	Graduan melengkapkan borang peminjaman jubah dan menyertakan salinan kad pengenalan graduan dan wakil untuk mengambil diploma dan transkrip akademik (bagi yang tidak hadir ke Majlis Konvokesyen)	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak
7.	Graduan telah memuat turun, membaca dan memahami panduan dan peraturan Istiadat Konvokesyen ke-17.	<input type="checkbox"/>	Ya <input type="checkbox"/> Tidak